



## **SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Paras 25, KOMTAR,  
10503 Pulau Pinang

Tel: 04 -2615613  
Fax: 04 -2618618

Ruj. Kami : PSUKPP/05/0755/KLT.2 (10)

Tarikh : ~~21~~ 22 ~~Jamadirahmat~~ Jamadirahmat 1430  
22 Mei 2009

**Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan**

---

### **PEKELILING PENTADBIRAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BIL. 2 TAHUN 2009**

---

#### **ANUGERAH KREATIF DAN INOVASI**

##### **TUJUAN**

1. Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 2 Tahun 2009 ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Ketua-Ketua Jabatan dan Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan mengenai Anugerah Kreatif dan Inovasi kepada anggota perkhidmatan awam Negeri Pulau Pinang.

##### **LATAR BELAKANG**

2. Y.A.B Ketua Menteri berhasrat untuk menggalakkan anggota perkhidmatan awam Negeri Pulau Pinang menjadi lebih kreatif dan berinovasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Kerajaan Negeri bersetuju memberikan ganjaran sebanyak RM10,000 serta sijil kepada anggota perkhidmatan awam di peringkat pengurusan pertengahan dan sokongan yang berjaya menghasilkan hasil kerja yang kreatif dan inovasi dari segi penjimatan wang, masa dan meningkatkan kualiti kerja dalam tugas harian mereka. Ganjaran sebanyak RM10,000 juga akan diberikan kepada unit, seksyen atau jabatan kerajaan yang berkenaan atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan usaha-usaha oleh individu tersebut.

## **MATLAMAT**

3. Matlamat Anugerah Kreatif dan Inovasi adalah untuk mempertingkatkan kualiti kerja melalui:

- i. Pengiktirafan kepada hasil kreativiti dan inovasi yang diperkenalkan oleh anggota perkhidmatan awam khususnya di Pulau Pinang;
- ii. Penggalakan budaya kreatif dan inovatif dalam perkhidmatan awam;
- iii. Perkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah anggota perkhidmatan awam yang lain; dan
- iv. Peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

## **TAKRIF**

4. Bagi maksud pemakaian pekeliling ini:

- i. Kreatif bermaksud: mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan, dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli.
- ii. Inovasi bermaksud: sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, atau mengadakan atau memulakan sesuatu yang baru menggunakan kreativiti mereka.
- iii. Anggota Perkhidmatan Awam merujuk kepada seluruh anggota Perkhidmatan Awam Negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.

## **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

5. Syarat-syarat penyertaan Anugerah Kreatif dan Inovasi adalah seperti berikut:

- i. Inovasi hendaklah dihasilkan oleh anggota perkhidmatan awam Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.

- ii. Setiap penyertaan dalam Anugerah Kreatif dan Inovasi hendaklah melalui dan perlu mendapat sokongan Ketua Jabatan;
- iii. Kreativiti dan inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi meningkatkan kualiti, penjimatan kos kepada kerajaan dan produktiviti organisasi;
- iv. Hasil kreativiti dan inovasi yang diketengahkan adalah yang pertama kali diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam Negeri.

### **KRITERIA PENILAIAN ANUGERAH KREATIF DAN INOVASI**

6. Tumpuan penilaian dan kriteria yang digunakan dalam proses penilaian dan pemilihan adalah seperti berikut:

- i. Idea;
- ii. Kreativiti;
- iii. Inovasi;
- iv. Tahap pelaksanaan;
- v. Impak/penjimatan kewangan;
- vi. Efisiensi;
- vii. Signifikan; dan
- viii. Komitmen.

### **PANEL PENILAI**

7. Keanggotaan Panel Penilaian adalah seperti di berikut:

<b>Jawatan</b>	<b>Keanggotaan</b>
Pengerusi	Setiausaha Kerajaan Negeri
Ahli-ahli	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) / Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)  (Panel Penilaian boleh menambah ahlinya atau mengundang mana-mana pegawai yang difikirkan sesuai yang dapat membantunya membuat keputusan yang lebih tepat jika perlu)
Urusetia	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**PEMAKAIAN**

8. Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri, Pihak Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang.

**TARIKH KUATKUASA**

9. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai ianya dikeluarkan.

  
(DATO' ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

s.k. Y.A.B. Ketua Menteri  
**PULAU PINANG**

**BORANG PERMOHONAN  
ANUGERAH KREATIF DAN INOVASI**

**Kategori : Sila Tandakan (√) dalam kotak yang berkaitan**

- Jabatan/Bahagian/Unit
- Badan Berkanun Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

**1. Nama Jabatan :**

Nama : \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No. Telefon: \_\_\_\_\_ No. Faks : \_\_\_\_\_

**2. Tajuk Projek:**

\_\_\_\_\_

**3. Nama Pegawai Bertanggungjawab Untuk Dihubungi :**

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Telefon: \_\_\_\_\_ No. Faks : \_\_\_\_\_

Emel: \_\_\_\_\_

**4. Pengesahan Ketua Jabatan :**

\_\_\_\_\_  
**Tandatangan Ketua Jabatan**

Nama :

Tarikh :